

KOD ETIKA KERJA VAT GROUP AG

1 Januari 2020, Versi 1.0 MY

Kod Etika Kerja VAT Group AG telah diterjemahkan kepada beberapa bahasa. Jika terdapat sebarang isu mengenai interpretasi, sila jadikan versi bahasa Inggeris sebagai rujukan



PASSION. PRECISION. PURITY.

Mesej dari Pengerusi Lembaga Pengarah	3
Pengantar	4
1. Prinsip Etika Kerja	4
2. Pekerja Kita	5
3. Pelanggan dan Rakan Niaga Kita	6
4. Produk dan Perkhidmatan Kita	8
5. Pengendalian Maklumat	9
6. Talian Hotline Pematuhan	10

Mesej dari Pengerusi Lembaga Pengarah

Para Pekerja dan Rakan Niaga Sekelian,

Kita bekerja dalam persekitaran yang sering berubah-ubah dan berhadapan dengan para pelanggan yang sangat mengharapkan pimpinan kita di dalam teknologi dan komitmen kita dalam menyumbang kepada kejayaan perniagaan mereka. Sebagai menyahut cabaran ini, dalam pasaran global yang sentiasa berubah, kita bertekad untuk mewujudkan organisasi global yang bukan saja kukuh malah fleksibel dan pragmatik untuk terus bersaing dalam jangkamasa yang lebih panjang. Ini termasuklah komitmen kita untuk menzahirkan nilai-nilai sebagai sebuah syarikat dan untuk menjalankan perniagaan sambil menjaga hal ehwal semua pihak berkepentingan.

Kita mewujudkan Kod Etika Kerja sebagai salah satu cara untuk memberikan pemahaman yang jelas tentang nilai-nilai teras VAT dan piawaian dalam pentadbiran perniagaan kita. Ia meletakkan asas tentang bagaimana kita melayan pelanggan, pembekal, pelabur, pekerja, komuniti di mana kita beroperasi, dan juga antara sesama kita, terutamanya:

- menghormati hak asasi manusia dan maruah peribadi setiap individu;
- komitmen terhadap kesihatan yang tinggi, keselamatan dan sekuriti di dalam operasi kita, para pembekal dan rakan niaga;
- janji kita untuk menghasilkan produk yang berkualiti tinggi;
- mengamalkan integriti yang tertinggi, khususnya bersaing dengan sihat dan mematuhi undang-undang dan peraturan dalam negara dan antarabangsa; dan
- menggunakan sumber asli secara lestari, dengan cara yang dapat mengurangkan kesan negatif ke atas alam sekitar.

Kumpulan Pengurusan Kanan VAT dan Lembaga Pengarah Syarikat menyokong sepenuhnya Kod Etika Kerja ini dan komited untuk memastikan nilai dan prinsip yang digariskan digunapakai sepenuhnya dalam operasi perniagaan kita. Saya menggalakkan anda untuk membiasakan diri dengan Kod Etika Kerja ini untuk lebih memahami bagaimana nilai-nilai teras ini memberi kesan kepada keputusan dalam pekerjaan harian anda di samping membantu anda untuk mengambil tindakan yang sewajarnya apabila timbul sesuatu keperluan.

Dengan kerjasama dari semua pihak, saya percaya Kod Etika Kerja ini dapat membantu kita membina organisasi yang lebih kukuh demi menjana pertumbuhan yang berterusan di samping mewujudkan nilai dan kepercayaan daripada semua pihak yang berkepentingan.

Ikhlas,



Dr. Martin Komischke
Pengerusi Lembaga Pengarah

Pengantar: Skop Yang Berkaitan

Semua pekerja dan pihak pengurusan ("Pekerja") syarikat VAT Group AG dan syarikat-syarikat bersekutu VAT ("VAT") adalah tertakluk kepada Kod Etika Kerja ini.

Kod Etika Kerja ini menggariskan nilai-nilai, prinsip-prinsip dan peraturan-peraturan penting untuk semua Pekerja yang dimiliki oleh syarikat VAT global di dalam Kumpulan VAT. Ia menyediakan garis panduan untuk membantu kita membuat keputusan yang betul di dalam kerja seharian kita.

1. Prinsip Etika Kerja

1.1 Nilai-nilai VAT

Komited kepada nilai-nilai VAT.

VAT mengetuai inovasi dalam menyediakan penyelesaian yang terbaik dalam industri vakum. Ini adalah sebahagian dari DNA kita yang telah membantu kita mengembangkan perniagaan kita ke pasaran sedia ada dan baru.

Kecemerlangan teknologi sentiasa menjadi teras kejayaan kita dalam industri di mana pelanggan hanya memerlukan kualiti yang sempurna dan dihantar tepat pada masanya, pada saban hari dan tahun. Oleh itu, credo VAT: **SEMANGAT. TEPAT. TULEN**. Ketiga-tiga perkataan ini mencerminkan sebahagian besar nilai-nilai VAT: semangat untuk berinovasi, menghasilkan ketepatan produk yang tiada tandingan bagi membolehkan pelanggan menghasilkan persekitaran vakum yang paling tulen yang diperlukan untuk menghasilkan produk-produk yang paling canggih di dunia.

Berasal dari Switzerland dan mempunyai lebih daripada 50 tahun pengalaman, kita telah berkembang menjadi sebuah syarikat global yang sentiasa berusaha untuk menjaga diversiti, menghormati kesemua budaya dan pendapat, komited antara satu sama lain dan sentiasa bersemangat ke arah masa depan bersama sebagai **"Satu VAT"**. Bertanggungjawab terhadap apa yang kita lakukan, tepati komitmen kita, dan terbuka dalam komunikasi memastikan kita dapat mewujudkan nilai pasaran yang kompetitif untuk semua pihak berkepentingan kita.

Kod Etika Kerja ini menggariskan hasrat kita untuk melaksanakan nilai-nilai tersebut di dalam kerja seharian dan menggalakkan kita, yang bekerja dalam persekitaran yang sering berubah-ubah, dengan kemahiran yang diperlukan, untuk membuat keputusan yang tepat **"KE ARAH MASA DEPAN YANG LEBIH BIJAK"**.

1.2 Undang-undang dan Peraturan Dalaman Yang Berkaitan

Mematuhi undang-undang dan peraturan dalaman yang berkaitan.

Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan dalaman, nasional dan internasional di mana-mana saja kita beroperasi. Matlamat utama kita adalah untuk sentiasa bertindak dengan penuh etika dan mematuhi kehendak undang-undang. Kita tidak akan bertolak ansur terhadap sesiapa yang melanggar Kod Etika Kerja ini, atau mana-mana peraturan dalaman, garis panduan atau polisi yang lain, tidak kira di negara mana kita beroperasi.

1.3 Tanggungjawab Sosial dan Saling Menghormati

Menjalankan tanggungjawab sosial dan menghormati antara satu sama lain.

Kita mementingkan tanggungjawab sosial dan menghormati antara satu sama lain. Ini adalah budaya syarikat VAT. Amanah dan integriti adalah asas kepada kerjasama bukan hanya antara Kumpulan VAT, malah dengan rakan niaga, pelanggan dan pembekal dan inilah yang membentuk kejayaan komersil kita.

1.4 Hak Asasi Manusia dan Tiada Diskriminasi

Menghormati hak asasi manusia dan menjaga maruah serta privasi setiap individu.

Kita menghormati hak asasi manusia dan tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang bentuk keganasan seksual, paksaan atau serangan verbal, atau sebarang perbuatan yang mengaibkan, memusuhi atau menghina orang lain. Kita juga tidak akan bertolak ansur dengan sebarang sikap diskriminasi terhadap mana-mana Pekerja lain, rakan niaga atau pihak ketiga berkaitan jantina, kaum, warna kulit, karakter genetik, etnik atau asal usul, warganegara, fahaman agama, pilihan politikal, umur, kecacatan, keadaan keluarga ataupun pilihan orientasi seksual.

1.5 Harta Syarikat

Menjaga harta syarikat.

VAT menyediakan alatan dan informasi untuk kemudahan kita dalam menjalankan tugas, contohnya mesin, material untuk kegunaan pejabat, komputer, data dan peranti data. Kita perlu menggunakan alatan ini dengan penuh tanggungjawab dan elakkan ia daripada hilang, dicuri atau disalahguna. Kita dilarang menggunakan atau mengeluarkan alatan, barangan, informasi atau infrastruktur daripada syarikat untuk kegunaan peribadi.

1.6 Penjagaan Alam Sekitar

Penjagaan alam sekitar yang lestari.

VAT melihat kelestarian alam sekitar sebagai kunci kepada kewujudan nilai jangka panjang. Oleh itu, kita sentiasa berusaha untuk memulihara dan memelihara sumber, meminimumkan pelepasan, dan memperbaiki penggunaan tenaga serta mematuhi kesemua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkaitan.

2. Pekerja Kita

2.1 Piawaian Kerja Yang Tinggi

Mematuhi Kod Etika Kerja Industri.

Kita mematuhi Kod Etika Kerja "Responsible Business Alliance (RBA)" yang menggariskan panduan bagi memastikan keadaan kerja di dalam industri elektronik adalah selamat, pekerja dilayan dengan adil, dan operasi syarikat mematuhi tanggungjawab dan etika terhadap alam sekitar. Kita memupuk komunikasi secara langsung dan terbuka dengan pekerja. Kita hormati dan memberi kebebasan dalam penyertaan dalam persatuan atau sebagai perwakilan pekerja.

2.2 Penglibatan

Penuh komitmen dan bercita-cita tinggi untuk mencapai objektif.

Kita melaksanakan apa yang telah dirancang bagi memperbaiki cara kita bekerjasama dan ini membantu kita untuk terus mengetuai di dalam industri ini. Kejayaan dalam perjalanan ini sangat bergantung kepada kesediaan dan komitmen kita untuk memberi maklum balas dan cadangan yang membina bagi mewujudkan suasana kerja yang membolehkan kita semua membuat yang terbaik di samping menjaga reputasi baik VAT.

2.3 Pendidikan dan Latihan

Menarik mereka yang berkemahiran tinggi dan menawarkan pembangunan dan latihan yang berterusan

VAT komited untuk membangunkan ramai para profesional bagi memastikan mereka berada bersama VAT untuk jangka panjang. Kita sentiasa memastikan pendidikan yang berterusan dan menggalakkan Pekerja kita untuk meneruskan pembangunan profesional di sepanjang kerjaya mereka dalam VAT.

2.4 Kesihatan dan Keselamatan

Persekitaran yang selamat untuk Pekerja.

Matlamat VAT adalah untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat. Ini termasuk penguatkuasaan ketat kesemua peraturan buruh, peraturan kesihatan dan keselamatan yang berkaitan. Tambahan pula, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mematuhi polisi Kesihatan & Keselamatan syarikat, untuk mematuhi semua peraturan, undang-undang dan arahan kerja yang berkaitan serta mengekalkan keadaan kerja yang selamat.

3. Pelanggan dan Rakan Niaga Kita

3.1 Hormat

Menunjukkan rasa hormat dalam berurusan dengan pelanggan dan rakan kongsi perniagaan.

Di dalam VAT, keyakinan, kebolehpercayaan, kejujuran dan saling menghormati adalah prinsip utama apabila berurusan dengan pelanggan dan rakan niaga. Oleh itu, kita juga mengharapkan pelanggan, pembekal dan rakan niaga kita bersikap dengan cara yang sama apabila berurusan dengan kita.

3.2 Adil

Memilih rakan niaga dengan adil.

VAT menilai rakan niaga semasa dan yang akan datang menggunakan proses pemilihan yang memastikan semua rakan niaga diadili sebaiknya. Keputusan dibuat berdasarkan kriteria seperti harga, tahap perkhidmatan, produk dan kualiti, serta integriti dalam perniagaan. Kita ingin memastikan bahawa kita menjalankan perniagaan dengan syarikat yang berkongsi nilai-nilai yang sama dengan VAT.

3.3 Anti-Rasuah

Menolak sebarang bentuk korupsi dan rasuah.

Rasuah dan korupsi menghalang pembangunan ekonomi, melemahkan persaingan yang sihat dan memusnahkan kepercayaan. Tidak kira dalam apa jua keadaan, VAT sebagai majikan melarang kita daripada menyertai sebarang bentuk rasuah atau korupsi secara langsung atau tidak langsung. Ini termasuk memberi, berjanji untuk memberi atau menawarkan untuk memberi sebarang nilai, kepada sesiapa dengan tujuan untuk mempengaruhi atau mendapatkan sesuatu tindakan atau keputusan perniagaan. Ini terpakai

kepada semua transaksi perniagaan, tanpa mengira rakan niaga atau orang lain, seperti pegawai kerajaan dan anggota pihak berkuasa awam..

3.4 Hadiah, Manfaat dan Hospitaliti

Mengendalikan hal berkaitan hadiah, manfaat dan hospitaliti dengan cara yang bertanggungjawab.

Menerima sebarang bentuk hadiah, hiburan, dan lain-lain ganjaran dari rakan niaga boleh dilihat sebagai konflik kepentingan, terutama jika nilai item tersebut adalah besar. Meskipun VAT akur bahawa sesekali menawarkan/menerima tawaran hadiah, hiburan atau hospitaliti yang berpatutan boleh menyumbang kepada pembangunan dan pengekalan hubungan perniagaan yang baik, kita harus mengelak daripada memberi atau menerima hadiah atau sebarang kebaikan yang boleh mempengaruhi, atau dilihat boleh mempengaruhi penilaian saksama oleh rakan niaga kita.

Tanpa prejudis terhadap peraturan yang tersebut di atas, ganjaran perniagaan yang boleh diterima adalah seperti hadiah yang tidak bernilai terlalu tinggi, hiburan dan hidangan makanan yang munasabah dan lazim dalam bentuk jumlah dan perbelanjaan, dengan tujuan untuk memanjangkan hubungan perniagaan. Tunai atau kesetaraan tunai seperti kad hadiah atau baucar belanja tidak boleh diberikan atau diterima, begitu juga tiket perjalanan atau penginapan tidak boleh ditawarkan atau diterima oleh kita atau wakil VAT.

3.5 Persaingan Yang Sihat

Bersaing dengan sihat.

Undang-undang persaingan dan anti-seleweng memastikan persaingan yang sihat dan mencegah penyelewengan perniagaan dan ini dapat memberi manfaat kepada semua pengguna. Kita tidak berkongsi sebarang maklumat dalaman atau membuat sebarang perjanjian dengan pesaing, pembekal atau pelanggan yang bertujuan untuk mengurangkan persaingan atau menyalahguna kekuatan pasaran untuk mempengaruhi pelanggan. Kita tidak membuat perjanjian secara lisan atau bertulis, atau mempengaruhi penetapan harga, terma dan syarat dengan sesiapa sahaja, termasuk pesaing, dengan tujuan untuk memecahkan pasaran, wilayah atau kumpulan pelanggan.

3.6 Konflik Kepentingan

Meletak garis pemisah antara kepentingan peribadi dan kepentingan VAT.

Kita tidak melibatkan diri dalam sebarang aktiviti atau menerima sebarang tugas yang mungkin bertentangan dengan kepentingan VAT.

Kita tidak akan memberikan keutamaan kepada mana-mana rakan niaga atas kepentingan peribadi. Ini merujuk terutama kepada orang yang mempunyai hubungan rapat, seperti ahli keluarga dan saudara mara. Tambahan pula, kita akan memastikan bahawa tiada keputusan atau aktiviti kita boleh ditafsirkan sebagai didorong oleh kepentingan peribadi.

Apabila salah seorang daripada kita berhasrat untuk menerima tawaran pekerjaan sekunder atau menjadi pemilik di syarikat pesaing, pelanggan atau pembekal VAT, persetujuan bertulis daripada VAT perlu diperolehi terlebih dahulu. Begitu juga, jika anda diberi hak oleh undang-undang untuk memiliki pekerjaan sekunder, VAT harus dimaklumkan terlebih dahulu, bagi mengelakkan konflik kepentingan di premis asal.

3.7 Peraturan Perdagangan Asing

Mematuhi sepenuhnya semua peraturan perdagangan nasional dan internasional.

Kita mematuhi semua sekatan eksport dan import yang berkenaan, peraturan kebenaran awam serta undang-undang kastam dan cukai.

Kita sangat mementingkan pematuhan kepada peraturan nasional dan internasional yang melarang pengubahan wang haram, serta bertanggungjawab di dalam pengendalian bahan mentah yang kritikal (konflik mineral).

Kita perlu mengelak daripada terlibat di dalam transaksi yang tidak dibenarkan oleh undang-undang nasional dan internasional tentang kawalan eksport atau yang dilarang oleh arahan dalaman yang dikenali sebagai Program Kawalan Dalaman (ICP – Internal Control Program).

Bagi pemilihan dan pemantauan pembekal, kita telah meletakkan polisi dan prinsip yang ketat yang perlu dipatuhi. Semua pembekal VAT juga tertakluk kepada pelaksanaan garis panduan dan prinsip ini.

4. Produk dan Perkhidmatan Kita

4.1 Produk dan Perkhidmatan yang Berkualiti Tinggi

Memastikan produk dan perkhidmatan pelanggan berkualiti tinggi.

Kejayaan kita di dalam pasaran adalah berkait-rapat dengan kualiti produk dan perkhidmatan kita yang tinggi. Kita memberi jaminan kepada pelanggan bahawa semua produk dan perkhidmatan kita yang dihasilkan sentiasa berada di tahap terbaik bagi memenuhi kehendak pelanggan kita. Dalam konteks ini, fungsi dan kegunaan serta keselamatan dan kebergantungan produk sangat penting bagi kita.

Keselamatan dan kebergantungan produk dan perkhidmatan kita dipastikan melalui proses yang inovatif dan pengurusan kualiti yang terbaik. Kita serius dalam melaksanakan tanggungjawab ini dan sentiasa mengambil tindakan yang perlu bagi mencegah sebarang risiko.

4.2 Piawaian Pengurusan Kualiti

Mematuhi piawaian pengurusan kualiti.

Untuk penambahbaikan proses secara berterusan, di samping memenuhi keperluan dan harapan para pelanggan, kita telah menyelaraskan proses berpandukan beberapa piawaian kualiti antarabangsa.

Piawaian kualiti yang kita telah kita laksanakan di VAT ialah:

- ISO 9001
- ISO 14001
- ISO IATF 16949

4.3 Kelestarian

Membangun berlandaskan budaya kelestarian.

VAT bermatlamat untuk mencapai kelestarian ekonomi dengan menggunakan strategi pertumbuhan keuntungan jangka panjang dan penciptaan nilai.

5. Pengendalian Maklumat

5.1 Penggunaan Maklumat Secara Bertanggungjawab

Melindungi rahsia perdagangan dan perniagaan.

Kita melindungi maklumat dan data sulit, contohnya data teknikal dan lukisan, data projek dan pengiraan, sumber dan syarat bekalan, strategi pasaran, mesej dan arahan dalaman serta rahsia perdagangan. Maklumat ini tidak boleh dikongsikan dengan orang yang tidak dibenarkan, baik di dalam atau luar syarikat, dan mesti dilindungi dari sebarang akses yang tidak sah. Hak perlindungan kepada penyalur maklumat (whistle-blower) perlu dipatuhi.

5.2 Berurusan dengan Pihak Dalaman

Tidak menggunakan maklumat dalaman untuk kepentingan sendiri.

Kumpulan VAT AG tersenarai di Bursa Saham Switzerland ("SIX"). Ini bermakna kita wajib mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh undang-undang Switzerland yang mengawal selia pasaran modal. Pelanggaran peraturan dan undang-undang ini boleh merosakkan reputasi VAT dan memusnahkan kepercayaan dan keyakinan pelabur terhadap syarikat. Kita dilarang menggunakan maklumat dalaman, secara langsung atau melalui perantara, pada bila-bila masa untuk memperoleh atau menjual sekuriti VAT.

5.3 Perlindungan dan Keselamatan Data

Melindungi data peribadi dan mengelakkan akses tanpa izin.

Kita komited dalam memastikan data peribadi kita, pelanggan dan rakan niaga kekal sebagai maklumat sulit. Data peribadi hanya boleh dikumpulkan, diproses atau digunakan dengan tujuan tertentu seperti yang dibenarkan oleh undang-undang (cth, jika perlu, tertakluk kepada persetujuan dari pihak tersebut). Kita bertanggungjawab untuk melindungi data peribadi dan memastikan orang lain hanya dapat melihat data setakat yang diperlukan sahaja. Kita juga melindungi data dari diakses tanpa izin.

5.4 Komunikasi Elektronik dan Media Sosial

Menggunakan komunikasi elektronik dan media sosial secara bertanggungjawab.

Semua komunikasi elektronik, termasuk e-mel dan penggunaan Internet, serta data di dalam sistem IT dan komputer VAT, adalah harta VAT dan sepertimana harta lain, haruslah dilindungi daripada kehilangan, kecurian atau penyalahgunaan. Kita harus menggunakan semua rangkaian media sosial, cth. Facebook, Twitter atau LinkedIn secara bertanggungjawab, dan dilarang mendedahkan sebarang maklumat dalaman dan/atau sulit syarikat.

5.5 Pengendalian Media Awam, Perhubungan Pelabur dan Rekod Kewangan

Mematuhi undang-undang apabila berkomunikasi.

Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan dan Jabatan Komunikasi Korporat bertanggungjawab untuk berurusan dengan media dan mengendalikan semua pertanyaan dari pihak akhbar.

Oleh kerana kita disenaraikan di Bursa Saham Switzerland (SIX), kita perlu mematuhi peraturan spesifik untuk melaporkan dan mendedahkan maklumat, khususnya mengenai sekuriti VAT dan kedudukan kewangan syarikat.

VAT sangat komited kepada laporan dan pendedahan maklumat kewangan yang terbuka, jujur dan tepat pada masanya sejajar dengan kewajipan di bursa saham dan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS).

6. Talian Hotline Pematuhan

Mendengar rakan niaga dan pihak luar yang berkepentingan.

Para pengurus, pegawai-pegawai sumber manusia, Ketua Perundangan dan Pematuhan, dan Ketua Audit memberi nasihat mengenai isu pematuhan secara berkala dan bila perlu. Jika mengesyaki berlakunya sebarang salahlaku, pekerja VAT atau pihak luar berkepentingan (cth: rakan niaga), mempunyai peluang untuk melaporkan salahlaku yang disyaki itu secara selamat dan sulit melalui Talian Hotline Pematuhan VAT ini.

Hubungi

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Kod Etika Kerja atau pematuhan peraturan secara umum, sila hubungi Peguam Am kami:

Group General Counsel
Lic. iur. Benno Lichtsteiner, LL.M.
Phone: +41 81 772 41 20
E-mail: b.lichtsteiner@vat.ch